

Sukan

KEJOHANAN PENCAK SILAT NASIONAL

Medan papar 'perpaduan' masyarakat silat

Kejohanan turut buka peluang kepada bakat baru dikenal pasti untuk disertakan ke skuad nasional

SEKILAS

Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan Ke-40

Bila: 27-28 Feb & 5-6 Mac
Di mana: Dewan Sukan Pasir Ris

Program:
27 Feb: Seni (2 petang - 10 malam)
28 Feb: Tanding, saringan (9 pagi - 10 malam)
5 Mac: Tanding (2 petang - 10 malam)
6 Mac: Tanding, peringkat akhir (9 pagi - 7 malam)

Perguruan silat yang mengambil bahagian:

1. Al-Haq
2. Bandangan Asli
3. Cekak Serantau
4. Pencak Sendeng
5. Perguruan Seni Biladiri Tapak Suci
6. Perguruan Seni Silat Gayong Singapura
7. Seligi Tunggal Angkatan Singapura
8. Seligi Tunggal Kemuning
9. Sendeng Belalang (Singapura)
10. Sendeng Seturut
11. Sendeng Pukuluan
12. Seni GRASIO
13. Seni Silat Gayong PERWANIT
14. Setia Hati ESHA
15. Sunda Pajajaran

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

KEJOHANAN Pencak Silat Nasional (PSK) bukan sahaja 'gelanggang' utama bagi mengenal pasti bakat baru, malah mencerminkan perpaduan masyarakat silat setempat, kata presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Encik Abdullah Shafiee Mohd Sidik.

"Pesilat nasional hari ini seperti Shakir (Juanda), Alfian (Juma'en) dan ramai lagi mula menonjol di pertandingan ini. Kini mereka bergelar juara dunia atau juara serantau.

"Namun manfaat paling menggalakkan yang ditawarkan PSK ialah menjalin silaturahmi antara perguruan silat setempat," kata Encik Abdullah Shafiee, 57 tahun, yang telah berkhidmat dengan Persisi secara rasmi sejak 1987.

Mengimbas semula kenangan menganjurkan PSK dalam tahun-tahun 1980-an, Encik Abdullah Shafiee berkata beliau paling berbesar hati melihat cara pelbagai warga perguruan silat yang berbeza bantu-membantu satu sama lain.

"Bajet kami untuk menganjurkan PSK pada ketika itu terhad dan tidak seberapa berbanding sekarang. Ada kalanya, kami tidak mampu membeli makanan dan minuman untuk sukarelawan.

"Namun perguruan silat yang datang den-



BERBESAR HATI: Encik Abdullah Shafiee berharap warga silat setempat boleh meneruskan sikap saling bantu-membantu di pertandingan pencak silat masa depan. - Foto **TAUFIK A. KADER**

gan keluarga, siap dengan makanan dan minuman sendiri sering mempelawa kami turut menjamu selera.

"Bagi saya, inilah keunikan pertandingan pencak silat, berbanding pertandingan seni pertahanan diri lain setempat," kata Encik Abdullah, seorang peniaga yang turut menjadi pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat Siglap South.

PSK - pertandingan peringkat nasional tahunan utama di Singapura - telah dianjurkan sejak Persisi ditubuhkan pada 1976.

Saban tahun, ia dianggap medan kompetitif permulaan bagi pesilat berbakat seperti bekas juara dunia Sheikh Alau'ddin Yacoob Marican dan Shakir Juanda. Bulan lalu,

pesilat muda daripada perguruan silat Sendeng Belalan Sharifah Shazza Samsuri, 15 tahun, memenangi pingat emas acara tanding di Kejohanan Pencak Silat Dunia (Junior).

PSK tidak diadakan tahun lalu - bagi memberi laluan kepada Sukan SEA Ke-28 yang berlangsung di Singapura buat pertama kali sejak lebih dua dekad.

Namun, sempena menyambut ulang tahunnya yang ke-40, edisi tahun ini berlangsung selama empat hari dan merangkumi dua hujung minggu di Dewan Sukan Pasir Ris.

Pertandingan yang bakal disertai 15 daripada 32 perguruan silat setempat ini ber-

mula hari ini di gelanggang seni, sebelum beranjak ke peringkat awal kategori tanding esok.

Aksi tanding diteruskan Sabtu hadapan, sebelum mencapai kemuncaknya pada Ahad, 6 Mac ini.

Menurut jurucakap Persisi, kejohanan ini membuka peluang kepada pesilat setempat bertanding secara kompetitif, selain membenarkan jurulatih nasional mengenal pasti bakat baru bagi pasukan nasional.

Kesemua pesilat nasional, daripada peringkat kanak-kanak (10-12 tahun) hingga peringkat senior, termasuk juara dunia 2015, Sheikh Farhan Sheikh Alau'ddin, dijangka turut beraksi tahun ini.